

29/01/2000

Potensi tinggi bagi syarikat modal teroka

SYARIKAT yang berasaskan modal teroka mempunyai potensi besar berkembang maju dan mengaut keuntungan di negara ini pada tahun ini, kata Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Datuk Dr Ahmad Zaharuddin Idris.

Katanya, ini kerana syarikat modal teroka mempunyai sumber modal yang banyak, tenaga pengurusan, kepakaran penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dicerap daripada syarikat penanam modal yang membolehkan syarikat itu mampu bersaing di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Ahmad Zaharuddin berkata, kira-kira 200 penanam modal asing yang membabitkan diri dalam modal teroka ini setiap tahun di negara ini, terutamanya ke dalam sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

"Modal teroka memainkan peranan penting kepada pertumbuhan ekonomi negara dan sektor perindustrian di Malaysia sekarang," katanya pada sidang akhbar pelancaran media seminar Modal Teroka Asia-Eropah 2000 (VCEA 2000), di Kuala Lumpur, semalam.

VCEA 2000 akan berlangsung pada 28 hingga 30 Mac ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dan bakal disertai kira-kira 300 syarikat modal teroka, syarikat kewangan, pelaburan dan perbankan dari Asia dan Eropah itu akan dirasmikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pelabur asing melihat Malaysia sebagai pasaran baru yang sedang meningkat dan masih banyak peluang yang patut diceburi terutamanya dalam industri berasaskan teknologi maklumat.

(END)